



Teknologi dron mampu tingkat pendapatan petani

Mac 1, 2023 @ 8:28pm



Gambar hiasan - NSTP/SHARUL HAFIZ ZAM

KUALA LUMPUR: Penggunaan teknologi dron dalam bidang pertanian, khususnya bagi proses penyemburan baja serta racun pada tanaman padi, dilihat mampu mempercepat proses, mengurangkan kebergantungan pada tenaga kerja asing dan meningkatkan pendapatan petani.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Arthur Joseph Kurup, berkata stigma bahawa peluasan penggunaan teknologi dron akan mengambil alih peluang pekerjaan adalah tidak benar, sebaliknya ia dapat membantu menaik taraf petani menjadi satu pekerjaan berkemahiran tinggi.

"Selain itu, ia juga mampu menaik taraf kemahiran petani serta menarik minat lebih ramai golongan belia untuk menceburi industri berkenaan," katanya menjawab soalan tambahan Mohamad Shafizan Kepli (GPS-Batang Lupar) berkenaan langkah kerajaan memperkasakan penggunaan teknologi terbabit, pada sesi soal jawab lisan di Dewan Rakyat, hari ini.

Beliau berkata, kecekapan petani dalam pengoperasian dron juga akan meningkatkan hasil pengeluaran, sekali gus menambah pendapatan mereka.

Sementara itu pada sesi sama, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang dan Reformasi Institusi), Ramkarpal Singh, berkata Akademi Pilihan Raya (APR) merancang untuk mengadakan program pendidikan pilihan raya di 482 institusi pendidikan, tahun ini, bertujuan memberi kefahaman, sekali gus mendidik belia menjadi warganegara bertanggungjawab.

Beliau memaklumkan pada tahun lepas, APR telah menjalankan 206 program pendidikan pengundi membabitkan 123,647 peserta.

Selain itu, Suruhanjaya Pilihan Raya dan APR menjalankan program lain untuk mendidik pengundi muda seperti APR Associate Trainer (AAT) bagi melatih lebih ramai penceramah serta jurulatih yang mana setakat ini, terdapat 273 peserta telah mengikuti latihan intensif dan dilantik AAT.

"APR juga membuat perkongsian secara maya bagi memberi penerangan mudah dan ringkas mengenai proses pilihan raya, dalam Facebook, Twitter, YouTube, TikTok dan Instagram," katanya menjawab soalan Datuk Mas Ermeyati Samsudin (PN-Masjid Tanah) mengenai komitmen kerajaan untuk mendidik pengundi melalui APR. – BERNAMA